

Mesir undang Dr. Mahathir beri nasihat jaga keharmonian
Utusan Online
Jun 28, 2011

KUALA LUMPUR 27 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kini berada di Kaherah hingga Khamis ini atas undangan negara itu bagi berkongsi pengalaman Malaysia menjaga keharmonian selama ini.

Pegawai Khas Dr. Mahathir, Shamsul Akmar Musa Kamal berkata, jemputan berkenaan dibuat sempena pascarevolusi di Mesir sehingga menyaksikan kejatuhan bekas Presiden, Hosni Mubarak.

Menurut beliau, undangan itu merupakan sesuatu yang ironis buat pihak pembangkang dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjadi penggerak perhimpunan haram Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) pada 9 Julai ini.

"Ketika pembangkang dan sesetengah NGO merancang perhimpunan haram Bersih kononnya bagi menggoncang kerajaan seperti revolusi di Mesir, negarawan kita (Dr. Mahathir), diundang berkongsi cara memerintah dengan bijak dan harmoni di sana. Jadi motif Bersih perlu dipersoalkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Menurut Shamsul Akmar, keharmonian Malaysia sering dihormati dan dirujuk oleh negara-negara Islam lain di dunia sejak era pentadbiran Dr. Mahathir sehingga kini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0628&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_26.htm&arc=hive